

# 1MDB: Najib ulangi tuduhan bermotif politik, dakwa ada lagi terlibat

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sekali lagi mengulangi dakwaan bahawa pertuduhan terhadapnya adalah bermotifkan politik dan bukan untuk membongkar kebenaran.

Ini kerana, walaupun terdapat keterangan lain yang menunjukkan berlakunya salah laku namun hanya dirinya yang dihadapkan ke mahkamah.

“Walaupun keterangan bersumpah Tim Leissner menyebut mengenai pembabit suami Tan Sri Zeti Akhtar Aziz (Gabenor Bank Negara ketika itu) iaitu (Datuk) Tawfiq Aiman menerima rasuah untuk memudahkan pemindahan semalaman (overnight) AS\$1 bilion, Tan Sri Zeti mahupun suaminya tidak dipertanggungjawabkan.

“Keterangan Leissner memersoalkan bukan sahaja tindakan individu tertentu tetapi juga integriti keseluruhan sistem perbankan kita namun dakwaan serius ini masih belum ditangani

dengan jelas.

“Ini jelas menunjukkan bahawa siasatan yang diketuai pegawai penyiasat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Ariffin dan rakan-rakannya di SPRM tidak tertumpu kepada memerangi rasuah tetapi sebaliknya didorong oleh agenda politik sesetengah ahli politik yang bertujuan semata-mata untuk mengaitkan saya,” kata Najib.

Media sebelum ini melaporkan Leissner memberitahu Bank Negara Malaysia (BNM) meluluskan pemindahan pertukaran asing sebanyak AS\$1 bilion semalaman daripada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada PetroSaudi International (PSI) selepas Tawfiq didakwa disogok untuk membolehkan perkara itu berlaku (‘make it happen’).

Leissner memberi keterangan itu ketika menjadi saksi utama dalam perbicaraan jenayah bersubahat membabitkan bekas ketua perbankan pelaburan Gold-

man di Malaysia, Roger Ng, yang juga bekas rakan kongsinya yang didakwa menerima sogokan berjuta-juta dolar kerana membantu menggelapkan dana 1MDB.

Selain itu, Najib memberitahu melalui perbicaraan kes penyelewengan dana 1MDB itu, beliau mendapat tahu bahawa Jho Low mengarahkan sebuah firma guaman, Shearman & Sterling untuk memindahkan AS\$6,250,000.00 pada 17 Disember 2009 dan AS\$732,234 pada 21 Mei 2010 ke akaun syarikat, Iron Rhapsody dimiliki Tawfiq.

“Menurut keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan ini, Jho Low mengarahkan Asset Central Holding, sebuah syarikat yang dimiliki oleh Jho Low untuk menghantar AS\$1,250,000 pada 18 Disember 2009 kepada Iron Rhapsody.

“Saya sangat terkejut dengan pendakwaan terpilih ini walaupun terdapat fakta menyatakan bahawa Penguasa Kewangan Singapura (MAS) mendapati

transaksi Tan Sri Zeti ini sangat membimbangkan sehingga mereka memaklumkan Bank Negara, bank pusat Malaysia, sendiri.

“Tetapi api telah dipadamkan dengan cepat oleh mereka yang berkepentingan di Bank Negara Malaysia. Laporan oleh MAS adalah seperti “melaporkan bilangan biri-biri kepada serigala,” ujar Najib.

Sementara itu, Najib memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa kajian kebolehlaksanaan (feasibility study) tidak perlu dilakukan sebelum penubuhan syarikat 1MDB.

Ini kerana, syarikat terbabit bukanlah sebuah syarikat baharu sebaliknya penjenamaan semula Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

Selain itu, Najib menyatakan beliau tidak ingat sama ada bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah ada menasihatnya agar tidak menubuhkan 1MDB tanpa membuat kajian tersebut.